

SOALAN LAZIM

JERAYAWARA BAGI MENINGKATKAN KESEDARAN NELAYAN KECIL-KECILAN DI SELURUH NEGARA



Unit Industri Tangkapan Perikanan Kecil-Kecilan
Seksyen Industri Tangkapan Perikanan
Divisyen Industri Tangkapan Perikanan dan Ekosistem Marin

ISI KANDUNGAN

1. ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN SEMASA SESI JERAYAWARA TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM ZON PENANGKAPAN IKAN BAHARU.....	3
1.1 ISU PENURUNAN/PENAIKAN PERAHU.....	3
1.1.1 DAERAH BRUNEI MUARA.....	3
1.1.2 DAERAH BELAIT.....	6
1.1.3 DAERAH TUTONG.....	8
1.2 PERMOHONAN LESEN ALAT MENANGKAP IKAN MENGGUNAKAN SISTEM ONEBIZ..	10
1.3 ISU PENGUATKUASAAN.....	12
1.4 LALUAN NELAYAN DAN ZON KESELAMATAN.....	14
1.5 CADANGAN KURSUS-KURSUS BAGI MENINGKATKAN KAPASITI.....	16
1.6 ISU BERKAITAN EKOSISTEM MARIN.....	17
1.7 LAIN-LAIN ISU YANG DIBANGKITKAN.....	19
2. SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI JABATAN PERIKANAN.....	20
2.1 PELAKSANAAN SISTEM ZON PENANGKAPAN IKAN BAHARU BERMULA 1HB JANUARI 2024.....	20
2.2 SEKSYEN PELESENAN.....	22
2.2.1 PERMOHONAN LESEN ALAT MENANGKAP IKAN MELALUI ONEBIZ.....	22
2.2.2 MORATORIUM AKTIVITI TANGKAPAN PERIKANAN.....	25
2.3 SEKSYEN PENGUATKUASAAN.....	28
2.3.1 ZON KESELAMATAN.....	28
2.3.2 ISU PENCEROBOHAN.....	29
2.4 EKOSISTEM MARIN.....	31
2.4.1 TAKAT TIRUAN DAN LAWALAWA.....	31
2.4.2 KAJIAN SUMBER PERIKANAN.....	33
2.5 INDUSTRI TANGKAPAN PERIKANAN KECIL-KECILAN.....	35

1. ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN SEMASA SESI JERAYAWARA TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM ZON PENANGKAPAN IKAN BAHARU TAHUN 2023

1.1 ISU PENURUNAN/PENAIKAN PERAHU DI DAERAH-DAERAH

Salah satu isu utama yang dibangkitkan oleh nelayan kecil-kecilan ketika sesi jerayawara di seluruh negara adalah mengenai beberapa penurunan/penaikan perahu, antaranya nelayan-nelayan membangkitkan isu penurunan/penaikan perahu yang cetek dan menyebabkan kesulitan untuk menurunkan dan menaikkan perahu. Selain itu, terdapatnya juga isu dimana beberapa penurunan/penaikan perahu adalah tidak sesuai dan membahayakan nyawa pengguna disebabkan arus yang kuat. Nelayan-nelayan juga mencadangkan beberapa penurunan/penaikan untuk dinaiktaraf dan lokasi penurunan/penaikan baharu yang berpotensi untuk di bangunkan bagi memudahkan nelayan-nelayan untuk menggunakannya.

1.1.1 DAERAH BRUNEI MUARA

Daerah Brunei Muara		
Lokasi	Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
Pantai Jerudong	Kawasan penurunan/penaikan perahu terlalu cetek dan menyebabkan kesulitan untuk menurunkan perahu ketika air surut (<i>low tide</i>).	<p>Pada awalnya Jabatan Perikanan akan melaksanakan penaiktarafan bagi penurunan/penaikan perahu di Pantai Jerudong dengan penyelarasan perancangan projek bersama pihak Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui kaedah <i>Request for Proposal</i> untuk dimasukkan dalam perancangan menaiktaraf Pasar Jerudong dibawah KHEDN, sepertimana yang telah disarankan oleh Jawatankuasa Kerja RKN.</p> <p>Walau bagaimanapun, status terkini projek dijangka tidak akan dilaksanakan melalui penyelarasan perancangan projek bersama pihak KHEDN antaranya disebabkan cadangan projek menaiktaraf Pasar Jerudong melalui kaedah RFP akan dibatalkan.</p> <p><u>Pada masa ini, projek masih dalam perbincangan lanjut bersama pihak Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi</u></p>

Daerah Brunei Muara

Lokasi	Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
	<p style="text-align: center;">Cadangan:</p> <p>Kerja-kerja pengorekan (<i>dredging</i>) perlu dilaksanakan untuk mendalamkan kawasan penurunan/penaikan serta menaiktaraf penurunan/penaikan perahu tersebut.</p>	<p>langkah seterusnya untuk melaksanakan projek memandangkan tidak ada peruntukan sedia ada dibawah tajuk RKN bagi menaiktaraf kawasan penurunan dan penaikan perahu di Pantai Jerudong.</p>
Peranginan Pantai Serasa	<p>Kawasan penurunan/penaikan perahu terlalu cetek dan menyebabkan kesulitan untuk menurunkan perahu ketika air surut (<i>low tide</i>).</p>	<p>Penurunan/penaikan perahu di Peranginan Pantai Serasa adalah di bawah warta Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) (Gazette Lot 15984)</p> <p>Pihak Jabatan telah memanjangkan isu dan cadangan ini melalui memorandum bertarikh 7 mac 2024 bagi tindakan selanjutnya.</p> <p>Tidak ada maklumbalas.</p>
	<p style="text-align: center;">Cadangan:</p> <p>Kerja-kerja pengorekan (<i>dredging</i>) perlu dilaksanakan untuk mendalamkan kawasan penurunan/penaikan serta menaiktaraf penurunan/penaikan perahu tersebut.</p>	
Kg. Meragang	<p>Kawasan penurunan/penaikan perahu adalah tidak sesuai disebabkan arus yang kuat dan membahayakan nyawa nelayan-nelayan yang menggunakannya.</p>	<p>Penurunan/penaikan perahu di Kg Meragang adalah dibawah warta Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) (Gazette Lot 6093)</p> <p>Pihak Jabatan telah memanjangkan isu dan cadangan ini melalui memorandum bertarikh 7 mac 2024 bagi tindakan selanjutnya.</p> <p>KKBS memaklumkan melalui memorandum bahawa tapak berkenaan bukan di bawah warta KKBS.</p>
	<p style="text-align: center;">Cadangan:</p>	

Daerah Brunei Muara		
Lokasi	Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
	Pengaman Pantai (<i>wave breaker</i>) diperlukan untuk melindungi pengguna penurunan/penaikan perahu tersebut dari arus yang kuat dan untuk menjaga keselamatan pengguna.	

Jadual 1 Isu dan cadangan bagi penurunan-penurunan perahu di Daerah Muara

1.1.2 DAERAH BELAIT

Daerah Belait		
Lokasi	Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
Kg. Lumut	Kawasan penurunan/penaikan perahu adalah terlalu cetek ketika air surut (<i>low tide</i>) dan pada musim Landas.	Penurunan/penaikan perahu di Kg Lumut adalah dibawah warta Jabatan Perikanan (Lot 6981) Jabatan Perikanan melalui Seksyen Pengurusan Aset, Divisyen Pengurusan Aset, Pentadbiran dan Kewangan akan melaksanakan lawatan ke tempat penurunan/penaikan kg Lumut dan menyediakan pelan tindakan bagi menangani isu ini.
	<p>Cadangan:</p> <p>Kerja-kerja pengorekan (<i>dredging</i>) perlu dilaksanakan untuk mendalamkan kawasan penurunan/penaikan.</p>	<p>Pihak Jabatan untuk memohon peruntukan baharu bagi kerja-kerja dredging work dan pihak CFID untuk mendapatkan jumlah nelayan menggunakan tapak penurunan ini.</p>
Menara Cendera Kenangan	<p>Cadangan:</p> <p>Penaiktarafan pada penurunan/penaikan perahu di Menara Cendera Kenangan.</p>	<p>Penurunan/penaikan perahu di Menara Cendera Kenangan adalah di bawah warta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri: Jabatan Bandaran Tugu Menara Cendera Kenangan (Lot 9615)</p> <p>Pihak Jabatan telah memanjangkan isu dan cadangan ini melalui memorandum bertarikh 7 mac 2024 bagi tindakan selanjutnya.</p> <p>Tidak ada maklumbalas.</p> <p>Mesyuarat Jabatan bersama pihak JASTRe dan pihak Jabatan Daerah-Daerah pada 18 April 2023, ada menyatakan isu keselamatan bagi penggunaan Menara Cendera Kenangan sebagai tapak penurunan.</p> <p>Memo bertarikh.....</p>

Daerah Belait		
Lokasi	Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
Penaikan/Penurunan Perahu yang dicadangkan		
Kg Sungai Teraban	Cadangan untuk membangun penurunan/penaikan perahu baharu di kg Sungai Teraban. Cadangan ini pernah disuarakan sejak 15 tahun yang lalu.	Jabatan Perikanan melalui Seksyen Pengurusan Aset, Divisyen Pengurusan Aset, Pentadbiran dan Kewangan, akan mendapatkan maklumat mengenai warta di kawasan tersebut dan melaksanakan lawatan ke tempat penurunan/penaikan yang dicadangkan pihak CFID untuk mendapatkan jumlah nelayan menggunakan tapak penurunan ini.
Seria	Cadangan untuk membangun penurunan/penaikan perahu di Seria .	Jabatan Perikanan melalui Seksyen Pengurusan Aset, Divisyen Pengurusan Aset, Pentadbiran dan Kewangan, akan melaksanakan perbincangan bersama pihak BSP mengenai cadangan ini sebelum melaksanakan tindakan selanjutnya. pihak CFID untuk mendapatkan jumlah nelayan menggunakan tapak penurunan ini

Jadual 2 Isu dan cadangan bagi penurunan-penurunan perahu di Daerah Belait.

1.1.3 DAERAH TUTONG

Daerah Tutong		
Penurunan	Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
<p>Kuala Tutong</p>	<p>Paip air masin yang bersambung ke kolam udang di kawasan Kg Penabai timbul di atas paras air dan lampu yang dipasang di paip berkenaan adalah tidak mencukupi yang dapat membahayakan nyawa nelayan-nelayan yang melintasi kawasan tersebut terutama sekali pada waktu malam.</p>	<p>Penurunan/penaikan perahu di Kuala Tutong adalah dibawah warta Jabatan Perikanan (Lot 15395 & 22929).</p> <p>Paip yang timbul telah pun dikeluarkan dari sungai tersebut pada bulan 10 tahun 2024.</p> <p>Jabatan Perikanan akan melaksanakan penaiktarafan bagi penurunan/penaikan di Kuala Tutong menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara (RKN).</p> <p>Pada masa ini projek ini telah pun diiklankan pada 20 November 2024 dan tarikh tutup tawaran pada 24 Disember 2024.</p> <p>Skop kerja tender termasuklah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menambah jumlah tempat letak treler perahu dan kereta. 2. Pemasangan penambahan lampu bagi kawasan tapak penurunan perahu. 3. Menambahbaik jalan di kawasan tapak penurunan.
	<p>Cadangan</p>	
	<p>Penaiktarafan pada penurunan/penaikan perahu di Kuala Tutong</p>	

Daerah Tutong

Penurunan	Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
Penaikan/Penurunan Perahu yang dicadangkan		
Bekas Grand Stand Lumba Perahu. Kuala Tutong	Cadangan untuk membangun penurunan/penaikan perahu di kawasan bekas grand stand lumba perahu di Kuala Tutong untuk menangani isu pengguna yang terlalu ramai di penurunan/penaikan utama di Kuala Tutong.	Jabatan Perikanan melalui Seksyen Pengurusan Aset, Divisyen Pengurusan Aset, Pentadbiran dan Kewangan, akan mendapatkan maklumat mengenai warta di kawasan tersebut dan melaksanakan lawatan ke tempat penurunan/penaikan yang dicadangkan
Kg. Tanjong Maya	Cadangan untuk membangun penurunan/penaikan perahu di kg Tanjong Maya	Jabatan Perikanan melalui Seksyen Pengurusan Aset, Divisyen Pengurusan Aset, Pentadbiran dan Kewangan, akan mendapatkan maklumat mengenai status pewartaan kawasan tapak tersebut dan melaksanakan lawatan ke tempat penurunan/penaikan yang dicadangkan.
Kg. Penanjong	Cadangan untuk membangun penurunan/penaikan perahu di kg Penanjong	Jabatan Perikanan melalui Seksyen Pengurusan Aset, Divisyen Pengurusan Aset, Pentadbiran dan Kewangan, akan mendapatkan maklumat mengenai warta di kawasan tersebut dan melaksanakan lawatan ke tempat penurunan/penaikan yang dicadangkan.

Jadual 3 Isu dan cadangan bagi penurunan-penurunan perahu di Daerah Tutong.

1.2 PERMOHONAN LESEN ALAT MENANGKAP IKAN MENGGUNAKAN SISTEM ONEBIZ

Isu yang turut dibangkitkan oleh beberapa nelayan ketika sesi jerayawara adalah mengenai permasalahan dalam memperbaharui lesen alat menangkap ikan dengan adanya sistem baharu secara *online* iaitu Sistem OneBiz (Jadual 6).

Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
<p style="text-align: center;">Cadangan</p>	<p>Sistem OneBiz disediakan bagi memudahkan permohonan lesen alat menangkap ikan secara dalam talian termasuk pembayaran secara dalam talian dan mengurangkan keperluan bagi pemohon-pemohon untuk datang ke kaunter. Kebanyakan kementerian dan jabatan-jabatan di Negara ini telah menyediakan perkhidmatan secara dalam talian yang mana menelan belanja jutaan ringgit untuk membangunkan sistem-sistem berkenaan.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, bagi pemohon yang tidak mempunyai simpanan wang menggunakan kemudahan perbankan yang ada di Negara ini maka pemohon boleh melaksanakan pembayaran secara tunai dengan menggunakan tatacara "walk-in" di Tingkat 15, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Jalan Commonwealth Drive dengan membawa butiran/nombor rujukan permohonan OneBiz yang sudah diluluskan.</p>
<p>Pembayaran secara Tunai melalui Jabatan Perikanan</p>	

Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
<p style="text-align: center;">Cadangan</p>	<p>Setakat ini tidak ada perancangan Jabatan untuk menyamakan tatacara permohonan membarui lesen alat menangkap ikan dan tatacara permohonan membarui lesen memandu di Jabatan Pengangkutan Darat kerana format permohonan membarui bagi kedua-dua sistem berkenaan adalah berlainan.</p> <p>Jabatan Perikanan menggunakan sistem OneBiz, sementara Jabatan Pengangkutan Darat menggunakan Sistem TransportBN.</p>
<p>Pelan Jabatan Perikanan untuk memudahkan cara membarui Lesen Alat Menangkap Ikan dengan mengambil contoh sistem meperbarui lesen memandu di JPD</p>	
<p style="text-align: center;">Cadangan</p>	<p>Berpandukan kepada Dasar Perikanan tahun 2016, peruntukan lesen alat menangkap ikan ada diberi kebenaran untuk dipanjangkan tempoh lesen melebihi satu tahun yang mana lesen pada kebiasaannya akan mansuh pada 31 Disember pada setiap tahun.</p> <p>Setelah sistem OneBiz mula digunakan oleh Jabatan ini, maka pemberian kebenaran untuk dipanjangkan tempoh melebihi satu tahun telah tidak diteruskan bagi nelayan kecil-kecilan persendirian memandangkan sistem ini tidak ada menyediakan kemudahan bagi tempoh sahlaku lesen melebihi dari satu tahun seperti tiga atau lima tahun.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, Divisyen Pelesenan dan Penguatkuasaan telah pun menghadapkan permohonan dan cadangan kepada Divisyen Dasar dan Perancangan untuk meminda Dasar Perikanan Tahun 2016 berkenaan lesen alat menangkap ikan. Pemindaan dasar tersebut adalah penting bagi mengemaskini kriteria yang telah ada berjalan pada masa ini. Beberapa kelayakan bagi nelayan yang dibolehkan untuk mendapatkan kebenaran lesen dipanjangkan lebih dari 3 hingga 5 tahun ada diusulkan untuk dibawa ke Mesyuarat IMM oleh Divisyen Dasar dan Perancangan</p>
<p>Lesen Alat Menangkap Ikan untuk dipanjangkan sehingga 3 tahun atau 5 tahun</p>	

1.3 ISU PENGUATKUASAAN

Nelayan-nelayan juga menyuarakan isu pencerobohan oleh kapal pukat tunda dan perahu-perahu dari negara jiran dan mencadangkan untuk memperketatkan penguatkuasaan oleh Jabatan Perikanan (Jadual 7)

Isu	Tindakan Jabatan
<p>Pemantauan aktiviti kapal komersil terutama sekali kapal pukat tunda:</p> <p>I. Nelayan-nelayan mendapati kapal-kapal Tunda masuk ke zon yang dilarang (Zon 1) dan menyebabkan bubu nelayan kecil-kecilan pecah atau hilang.</p> <p>II. Aktiviti kapal tunda di kawasan zon 1 terutama sekali pada waktu malam telah menyebabkan turunnya hasil tangkapan bagi nelayan kecil-kecilan.</p> <p>III. Kapal pukat tunda telah didapati di perairan Daerah Belait.</p>	<p>Divisyen Pelesenan dan Penguatkuasaan sentiasa melaksanakan aktiviti rondaan penguatkuasaan undang-undang dan juga operasi-operasi sepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan bagi memastikan nelayan kecil-kecilan mahupun nelayan komersil yang menggunakan kapal-kapal penangkapan ikan sentiasa mematuhi syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan.</p> <p>Operasi-operasi sepadu ini termasuk melaksanakan pemeriksaan keatas kapal-kapal penangkapan ikan komersil yang sedang berlabuh di jeti pendaratan ikan atau di kawasan berlabuh yang disediakan oleh Jabatan Perikanan dan juga melaksanakan aktiviti rondaan penguatkuasaan undang-undang di kawasan perairan Negara ini.</p> <p>Mana-mana kapal penangkapan ikan komersil yang beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Negara ini akan dilaksanakan pemeriksaan bagi memastikan pematuhan keatas syarat-syarat lesen alat menangkap ikan (menggunakan kapal) yang telah ditetapkan.</p> <p>Jabatan Perikanan pada masa ini telah melaksanakan pemasangan peralatan <i>Automatic Identification System (AIS)</i> keatas 12 buah kapal pukat tunda dan 3 buah kapal pukat lingkong. Dengan adanya peralatan AIS ini akan dapat memudahkan aktiviti pemantauan dengan merekod pergerakan atau perjalanan kapal-kapal tersebut serta kedudukan atau lokasi kapal-kapal tersebut yang beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Negara ini melalui kemudahan satelit.</p>

Isu	Tindakan Jabatan
<p>Pukat yang ditahan di perairan Brunei dimiliki oleh nelayan-nelayan dari negara jiran.</p>	<p>Divisyen Pelesenan dan Penguatkuasaan ada melaksanakan aktiviti rondaan penguatkuasaan undang-undang dan juga operasi sepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Ini termasuk melaksanakan rondaan penguatkuasaan undang-undang di sepanjang sungai-sungai dan juga pemeriksaan perahu-perahu nelayan di tapak-tapak penurunan perahu di Negara ini.</p> <p>Bagi mana-mana pukat yang disyaki dimiliki oleh nelayan dari negeri jiran dan dilabuh serta ditinggalkan di kawasan perairan Negara ini (dikategorikan sebagai Peralatan Tidak Bertuan) maka pukat-pukat tersebut akan dibangkit, dibawa dan dilaporkan kepada Balai Polis Marin serta pukat-pukat tersebut akan disimpan sementara di Jabatan Perikanan bagi tujuan proses pelupusan jika tidak ada tuntutan oleh pemilik pukat-pukat berkenaan.</p> <p>Manakala bagi nelayan-nelayan warganegara asing daripada negeri jiran yang didapati beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Negara ini, akan ditahan dan dibawa ke Balai Polis Marin untuk dilaporkan bagi tindakan selanjutnya.</p>

Jadual 7 Isu yang dibangkitkan berkenaan dengan pencerobohan oleh kapal pukat tunda dan nelayan-nelayan dari negara jiran.

1.4 LALUAN NELAYAN DAN ZON KESELAMATAN

Antara isu dan cadangan yang disuarakan adalah mengenai laluan nelayan yang kurang selamat dan mengenai cadangan untuk memberikan tanda seperti penggunaan *buoy* dan dengan pengongsian koordinat-koordinat supaya nelayan-nelayan tidak termasuk dalam kawasan Zon Keselamatan (Jadual 8)

Isu	Tindakan Jabatan
<p>Ketika musim tengkujuh, kebanyakan nelayan hanya beroperasi di kawasan Teluk Brunei, terutama sekali di kawasan Ujung Sapoh dimana hasil tangkapan bagi udang dan ikan adalah tinggi. Walaubagaimanapun, disebabkan adanya projek di Pulau Muara Besar (tidak dapat memasuki lingkungan 500m dari Pulau Muara Besar), nelayan-nelayan terpaksa mengambil inisiatif melalui jalan lain yang berbahaya disebabkan oleh arus yang kuat.</p> <p>Nelayan memohon tindakan dan pertolongan Jabatan untuk memudahkan perjalanan nelayan-nelayan.</p>	<p>Jabatan melalui Divisyen Pelesenan dan Penguatkuasaan dan Divisyen Industri Tangkapan Perikanan dan Ekosistem Marin akan melaksanakan lawatan ke kawasan sempadan teluk Brunei dan menyediakan pelan tindakan bagi isu-isu yang dikenalpasti.</p> <p>Lawatan telah dilaksanakan pada 9hb Mac 2024 ke kawasan sempadan Teluk Brunei dan Sarawak. Walaubagaimanapun, lawatan ke kawasan ujung Sapoh tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh keadaan cuaca.</p> <p>Jabatan Perikanan akan melaksanakan lawatan ke kawasan tersebut pada musim tengkujuh Disember 2024 - Januari 2025</p>
<p>Nelayan memohon pencerahan mengenai laluan yang selamat untuk para nelayan, dari penurunan/penaikan perahu ke zon perairan negara memandangkan nelayan tidak dibenarkan memasuki kawasan pelantar minyak, iaitu sebelah kiri LNG dan sebelah kanan Fairley.</p>	<p>Pihak BSP memaklumkan bahawa isu ini dihadapkan ke mesyuarat <i>Task Force BSP</i>.</p>

Isu	Tindakan Jabatan
<p style="text-align: center;">Cadangan:</p> <p>Pemasangan Buoy di tempat-tempat berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. kawasan sempadan, demi keselamatan nelayan-nelayan terutama sekali di kawasan Teluk Brunei dan untuk memastikan nelayan-nelayan tidak termasuk kedalam perairan negara jiran (contoh: kawasan awat-awat); 2. Kawasan <i>Safety Zones</i> Pelantar Minyak, supaya nelayan-nelayan tidak memasuki di kawasan- kawasan <i>safety zone</i> pelantar minyak. 3. Mengongsikan koordinat-koordinat 500m dari koordinat pelantar minyak kepada nelayan untuk mengelak daripada memasuki kawasan tersebut. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Perikanan pernah memasang <i>Buoy</i> di kawasan sempadan akan tetapi hilang dan merugikan pihak Kerajaan jika perkara yang sama berlaku lagi. 2. Jabatan telah memanjangkan cadangan ini kepada BSP melalui persuratan bertarikh 18 mac 2024 untuk tindakan selanjutnya. Walaubagaimanapun, melalui surat balasan bertarikh 7 mei 2024, pihak BSP memaklumkan bahawa pemasangan buoy di kawasan safety zones pelantar minyak adalah tidak dapat dipertimbangkan memandangkan ianya akan mengganggu operasi BSP dan mendatangkan bahaya kepada kapal-kapal BSP mahupun kapal lain. 3. Telah dikongsikan oleh MPABD melalui taklimat dan laman sesawang MPABD https://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LAW/S/Gazette_PDF/1988/EN/S011.pdf

Jadual 8 Isu dan cadangan yang disuarakan mengenai dengan laluan nelayan-nelayan serta kawasan zon keselamatan

1.5 CADANGAN KURSUS-KURSUS BAGI MENINGKATKAN KAPASITI

Antara cadangan lain yang di suarakan adalah bagi Jabatan Perikanan untuk mengadakan lebih banyak kursus bagi meningkatkan kapasiti nelayan kecil-kecilan terutama sekali yang juga berminat untuk berkecimpung dalam industri akuakultur.

Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
<p style="text-align: center;">Cadangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus penggunaan GPS, untuk mengajar nelayan-nelayan cara penggunaan GPS yang betul. 2. Kursus untuk mengetahui cara penetasan telur udang galah supaya tidak pupus. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Perikanan melalui Unit Industri Tangkapan Perikanan Kecil-Kecilan, Seksyen Industri Tangkapan Perikanan telah melaksanakan kursus penggunaan GPS dan <i>Fish Finder</i> pada bulan oktober 2023 dan November 2024 yang melibatkan seramai 80 orang nelayan (30 orang pada tahun 2023, 50 orang pada tahun 2024). Jabatan akan melaksanakan kursus secara tahunan. Kursus seterusnya akan diadakan pada Q2 2025. 2. Jabatan Perikanan melalui Divisyen Penyelidikan dan Perkembangan Perikanan telah mengadakan taklimat ringkas bertajuk Penetasan Udang Galah pada 6 April 2024 di Pusat Biodiversiti Marin dihadiri oleh 9 orang ahli daripada MPK Kg Menengah, Temburong.

Jadual 9 Cadangan yang disuarakan berkenaan untuk mengadakan kursus-kursus untuk meningkat kapasiti nelayan kecil-kecilan.

1.6 ISU BERKAITAN EKOSISTEM MARIN

Nelayan-nelayan turut menyuarakan isu berkurangnya sumber dan isu pencemaran yang terdapat di perairan Negara terutama sekali di kawasan persisiran pantai (Jadual 10)

Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
<p>Sumber Perikanan semakin berkurangan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemeliharaan, perlindungan dan peningkatan sumber perikanan di kawasan perlindungan marin melalui program melabuhkan takat tiruan, program coral reef monitoring dan coral reef restoration (penglibatan NGOs) <p>Melaksanakan kajian penilaian sumber perikanan dengan kerjasama bersama SEAFDEC (bagi Zon 2-4) bagi mendokong pengurusan sumber perikanan yang mampan dan mengatasi isu penangkapan ikan yang berlebihan.</p>
<p style="text-align: center;">Cadangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tempat pembiakan dan <i>nursery ground</i> di perbanyakkan; 2. Mendalamkan kawasan bakau 3. Isu Pencemaran di Sg Penyatang disebabkan pembuangan air kolam oleh syarikat dibawah Jabatan Perikanan menyebabkan kawasan tersebut berbau dan air bertukar warna. 4. Nelayan memohon kepada Jabatan Perikanan untuk mengongsikan koordinat - koordinat takat - takat yang dilabuhkan kepada nelayan untuk menambah hasil tangkapan. 	<p>Mengawal dan memulihara sumber perikanan daripada kegiatan-kegiatan tangkapan ikan secara haram, tidak dikawal dan tidak dilaporkan (crossborder) melalui pelabuhan takat-takat jenis tetrapod di kawasan-kawasan sempadan sebagai "<i>silent enforcement</i>".</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Dicapangkan untuk aktiviti penanaman pokok bakau untuk memperluaskan habitat ikan-ikan dan udang. 3. Jabatan Perikanan melalui Divisyen Industri Akuakultur telah memberikan peringatan kepada syarikat yang berkenaan. 4. Senarai koordinat takat-takat tiruan akan dikongsikan kepada nelayan-nelayan setelah tempoh pemantauan selepas melabuhkan takat-takat tiruan selesai dilaksanakan, bagi memberikan masa takat-takat tiruan yang telah dilabuhkan untuk menubuhkan ekosistem yang stabil. <p>Senarai koordinat akan dikongsikan melalui permohonan kepada Seksyen Perlesenan, Jabatan Perikanan, khusus bagi nelayan kecil-kecilan yang belesen dan beroperasi di Zon 1A dan Zon 1B sahaja.</p>

Jadual 10 Isu dan cadangan berkenaan dengan sumber perikanan yang semakin berkurangan dan pencemaran dari aktiviti akuakultur.


1.7 LAIN-LAIN ISU YANG DIBANGKITKAN

Antara lain-lain isu dan cadangan yang di bangkitkan ketika sesi jerayawara adalah seperti berikut:

Isu/Cadangan	Tindakan Jabatan
<p style="text-align: center;">Cadangan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Insentif kebajikan (BND\$100 - BND\$200) untuk diberikan kepada nelayan-nelayan yang terjejas ketika cuaca tidak mengizinkan seperti musim landas dimana sebahagian dari nelayan tidak akan menjalankan aktiviti menangkap ikan. 2. Status pondok memancing yang tidak lagi digunakan di Kg Telisai. 3. Penyediaan tempat penyimpanan sejuk di seluruh daerah 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melalui kajian sosioekonomi, Jabatan Perikanan melalui Seksyen Industri Tangkapan Perikanan Kecil-Kecilan, Divisyen Industri Tangkapan Perikanan dan Ekosistem Marin akan membuat penilaian mengenai status kewangan nelayan-nelayan yang ikut serta dalam kajian tersebut. 2. Jabatan akan melaksanakan perbincangan bersama Penghulu Mukim Telisai dan Pejabat Daerah bagi penjelasan lanjut mengenai perkara ini. Status : Belum dilaksanakan. 3. Syarikat Muara International Fish Landing Sdn Bhd (MIFL) telah membangun penyimpanan sejuk di Kompleks Pendaratan Ikan Muara (KPIM), Serasa, yang dibukakan kepada Pengusaha-Pengusaha Industri Perikanan.

2. SOALAN-SOALAN LAZIM MENGENAI JABATAN PERIKANAN

2.1 PELAKSANAAN SISTEM ZON PENANGKAPAN IKAN BAHARU BERMULA 1HB JANUARI 2024



- 1) Bilakah Sistem Zon Penangkapan Ikan Baharu di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam ini akan mula dilaksanakan atau dikuatkuasakan?

Sistem Zon Penangkapan Ikan Baharu ini akan mula dilaksanakan atau dikuatkuasakan pada 1 Januari 2024.

- 2) Apakah perbezaan keluasan bagi setiap zon penangkapan ikan terutamanya di Zon 1 dan Zon 2 setelah pelaksanaan Sistem Zon Penangkapan Ikan Baharu ('Re-Delineation Of Fishing Zones') Di Perairan Negara Brunei Darussalam?

Zon	Keluasan Dahulu	Keluasan Sekarang		Perbezaan Keluasan Dahulu Dan Sekarang
1	1,105 km ²	1A	1,105 km ²	+ 955 km²
		1B	955 km ²	
2	3,582 km ²	2,627 km ²		- 955 km²

3) Apakah perbezaan tempat operasi menangkap ikan dahulu dan sekarang?

Zon	Zon Penangkapan Ikan Dahulu	Zon Penangkapan Ikan Baharu	
1	Dikhususkan bagi nelayan kecil-kecilan sepenuh masa dan nelayan sambilan yang telah mendaftar sebelum 1 Januari 2008 (sebelum pelaksanaan moratorium).	1A	Dikhususkan bagi nelayan kecil-kecilan sepenuh masa dan nelayan sambilan
		1B	Dikhususkan bagi nelayan kecil-kecilan yang bersyarikat
2	Dikhususkan bagi nelayan kecil-kecilan yang bersyarikat dan nelayan sambilan yang telah mendaftar selepas 1 Januari, 2008; dan kapal menangkap ikan komersil	Dikhususkan bagi kapal menangkap ikan komersil (berukuran kurang daripada 60 Tonnage dan kuasa injin kurang daripada 350 Kuasa Kuda);	
3	Dikhususkan bagi kapal menangkap ikan komersil	Dikhususkan bagi kapal menangkap ikan komersil yang lebih besar (berukuran 60 – 150 Tonnage dan kuasa injin daripada 351 – hingga 600 Kuasa Kuda);	
4	Dikhususkan bagi kapal menangkap ikan komersil	Dikhususkan bagi kapal menangkap ikan komersil yang lebih besar (berukuran 150.1 – 230 Tonnage dan kuasa injin 600 – 800 Kuasa Kuda).	

4) Apakah Kriteria-kriteria bagi saiz bot operasi menangkap ikan setelah pelaksanaan Sistem Zon Penangkapan Ikan Baharu ('Re-Delineation Of Fishing Zones') Di Perairan Negara Brunei Darussalam?

Bil	Kriteria-Kriteria	Zon 1 A	Zon 1B
1	Boat Gross Tonnage (GT)	< 3.0	3.1 hingga 8.0
2	Boat Length Overall (M)	2.0 hingga 6.0	6.1 hingga 13.0
3	Boat Horse Power	<15 hingga 55	55.1 hingga 300+
4	Number of Engines	1 hingga 2	1 hingga 3

2.2 SEKSYEN PELESENAN

2.2.1 PERMOHONAN LESEN ALAT MENANGKAP IKAN MELALUI ONEBIZ

1) Adakah sebarang perubahan ke atas permohonan untuk lesen alat menangkap ikan yang dipohonkan melalui sistem OneBiz selepas 1 Januari 2024?

Pada ketika ini, penggunaan sistem OneBiz adalah seperti biasa dan sebarang perubahan bagi maklumat berkenaan dengan perubahan zon tangkapan ikan tidak akan menjejaskan tatacara permohonan dari segi untuk menambah maklumat pertukaran zon. Walau bagaimanapun, pemohon yang telah membarui lesen bagi tahun 2024 adalah tidak diperlukan untuk mengulangi permohonan dan kad nelayan masih sah untuk digunakan. Penerangan yang telah diterangkan dalam Para 16.

2) Apa saja yang perlu disediakan sebelum memohon untuk lesen alat menangkap ikan melalui sistem OneBiz?

Pemohon dikehendaki untuk berdaftar dan mempunyai akaun eDarussalam yang telah aktif.

Bagi pemohon persendirian baharu, perkara berikut perlu dimuat naik ke dalam sistem OneBiz terlebih dahulu iaitu salinan imbasan (*scanned copies*) Kad Pengenalan Pintar, Lesen Alat Menangkap Ikan dari tahun sebelumnya, Gambar Penuh Perahu (menunjukkan pendaftaran perahu), Buku Pendaftaran Perahu yang dikeluarkan oleh MPABD ataupun Jabatan Laut.

Bagi pemohon bersyarikat baharu, perkara berikut perlu dimuat naik ke dalam OneBiz terlebih dahulu iaitu salinan imbasan (*scanned copies*) Kad Pengenalan Pintar Pemilik dan pekerja, Lesen Alat Menangkap Ikan dari tahun sebelumnya, Gambar penuh Perahu (menunjukkan pendaftaran perahu), Buku Pendaftaran Perahu yang dikeluarkan oleh MPABD ataupun Jabatan Laut, Passport Pekerja dan Sokongan Lesen Pekerja Asing. Bagi setiap lesen alat menangkap ikan bersyarikat, perlu dibuat berasingan dalam sistem OneBiz.

3) Adakah pemohon perlu hadir ke Jabatan Perikanan untuk mengaktifkan akaun eDarussalam?

Tidak perlu hadir ke Jabatan Perikanan. Pengaktifan akaun eDarussalam dilaksanakan oleh agensi Pusat e-Kerajaan Kebangsaan (eGNC) dan pemohon boleh menghubungi melalui e-mel iaitu info@123.com.bn, e-darussalam@egc.gov.bn ataupun corpcomms@egc.gov.bn ataupun menghantar WhatsApp ke Talian Darussalam 8333123.

Dokumen-dokumen serta maklumat yang diperlukan adalah Gambar awda (swafoto) yang jelas dengan memegang bahagian hadapan Kad Pengenalan awda, Gambar Kad Pengenalan awda yang jelas (hadapan dan belakang), Nama Penuh, Nombor Kad Pengenalan, E-mel dan Nombor Telefon.

- 4) Jika nelayan tidak mempunyai peralatan komputer atau tidak tahu menggunakan sistem OneBiz di rumah adakah cara lain untuk memohon lesen baharu atau membaharui lesen?**

Nelayan atau orang ramai boleh melawat dimana-mana cawangan Jabatan Perikanan untuk mendapatkan bantuan bagi menggunakan sistem OneBiz dimana peralatan komputer ada disediakan oleh Jabatan ini bagi kemudahan orang ramai.

- 5) Selain daripada menggunakan kad debit atau kad kredit untuk pembayaran bagi lesen perikanan yang dipohonkan melalui OneBiz yang dibuat secara online, bolehkah pemohon menggunakan cara lain?**

Sistem OneBiz hanya menerima pembayaran secara online sahaja iaitu menggunakan kad kredit atau kad debit. Walau bagaimanapun, jika pemohon hendak membayar secara tunai maka dikehendaki untuk membawa maklumat lesen yang dipohonkan untuk membuat pembayaran tersebut di bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi di Jalan Commonwealth Drive Tingkat 15.

- 6) Jika berlaku masalah teknikal (*technical difficulties*) yang berkaitan pengisian maklumat ke dalam OneBiz, apakah perlu dilakukan terlebih dahulu agar permohonan yang telah dibuat dapat diteruskan seperti biasa?**

Pemohon boleh menghubungi dan menerangkan dengan jelas masalah yang dialami kepada Talian Darussalam melalui 123 atau WhatsApp ke 8333123.

- 7) Bolehkah pemohon menggunakan akaun eDarussalam orang lain jika tidak mempunyai akaun sendiri untuk mengakses OneBiz?**

Pemohon tidak dibenarkan untuk menggunakan akaun eDarussalam yang bukan dari pemilik asal akaun tersebut. Ini adalah bagi memudahkan pemohon untuk mempunyai akaun masing-masing semasa membuat permohonan melalui OneBiz.

Walaupun bagaimanapun, bagi syarikat yang ingin menggunakan akaun eDarussalam selain daripada Pemilik/Pengurus syarikat boleh dipertimbangkan jika surat wakil disertakan tetapi bagi permohonan pertama kali mestilah menggunakan e-mel akaun Pemilik/Pengurus untuk memohon.

- 8) Adakah pemohon dibolehkan mengambil kad lesen nelayan di cawangan Jabatan Perikanan selain daripada Ibu Pejabat Perikanan di Serasa?**

Pemohon dibolehkan untuk memilih mana-mana cawangan kaunter pembayaran Jabatan Perikanan dengan membuat pilihan terlebih dahulu di ruang "Tempat Mengambil Lesen" semasa membuat permohonan.

Butiran Permohonan

* Tahun Permohonan Lesen : - Sila Pilih Tahun -

* Jenis Perniagaan : Komersial Persendirian Syarikat Skala Kecil

* Tempat Mengambil Lesen : - Sila Pilih Cawangan -

* Daerah :
- Sila Pilih Cawangan -
Jabatan Perikanan (Daerah Brunei dan Muara)
Jabatan Perikanan (Daerah Belait)
Jabatan Perikanan (Daerah Tutong)

* Mukim :
Jabatan Perikanan (Daerah Temburong)

9) Adakah perkhidmatan penghantaran kad nelayan disediakan?

Belum ada. Seperti lazimnya, pemohon mestilah hadir ke kaunter pelesenan dengan membawa resit pembayaran sebelum kad nelayan boleh dicetak dan diambil.

2.2.2 MORATORIUM AKTIVITI TANGKAPAN PERIKANAN

1) **Apakah status moratorium alat tangkapan ikan yang masih dibekukan?**

3 jenis alat tangkapan ikan akan dibukakan kepada nelayan kecil-kecilan sepenuh masa pada 1 April 2023. Alat-Alat yang dimaksudkan adalah bubu, andang karan, andang jarang.

2) **Apakah perancangan Jabatan Perikanan mengenai moratorium aktiviti penangkapan ikan di Zon 1 yang telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2008 hingga kini samada akan ditarik balik dan membuka semula alat-alat menangkap ikan yang dibekukan untuk dilesenkan?**

Jabatan Perikanan sedang dalam perancangan untuk membukakan semula sebahagian alat-alat menangkap ikan yang dibekukan sejak 1 Januari 2008 untuk dilesenkan secara berperingkat dan dijangka akan melaksanakannya mulai 1 April 2024 dan akan ditumpukan kepada nelayan kecil-kecilan persendirian berstatus penuh masa.

3) **Kategori nelayan manakah yang akan terlibat daripada Sistem Zon Penangkapan Ikan Baharu ini?**

Kategori nelayan tempatan yang sebahagian besarnya terlibat adalah nelayan kecil-kecilan persendirian yang menggunakan perahu dan nelayan kecil-kecilan bersyarikat. Melalui penggunaan Sistem Zon Penangkapan Ikan Baharu ini, mulai 1 Januari 2024, kesemua nelayan kecil-kecilan persendirian yang memiliki lesen alat menangkap ikan daripada Jabatan Perikanan samada yang berstatus penuh masa atau sambilan akan dibenarkan beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Zon 1A iaitu jaraknya dari pantai adalah 0 hingga 3 batu nautika dan keatas termasuk telok dan sungai kecuali alat bubu dan alat rawai hanya dibenarkan untuk beroperasi di kawasan perairan Zon 1B iaitu jaraknya dari pantai adalah 3.1 hingga 7 batu nautika dan keatas sahaja, sementara bagi nelayan kecil-kecilan bersyarikat pula akan dibenarkan beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Zon 1B iaitu jaraknya dari pantai adalah 3.1 hingga 7 batu nautika dan keatas.

Sebelum ini, nelayan kecil-kecilan persendirian berstatus penuh masa dan sambilan (yang telah memiliki lesen alat menangkap ikan sebelum 1 Januari 2008 semasa pelaksanaan moratorium) telah dibenarkan beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Zon 1 iaitu jaraknya dari pantai adalah 0 hingga 3 batu nautika dan keatas sementara nelayan kecil-kecilan persendirian berstatus sambilan (yang hanya mula memiliki lesen alat menangkap ikan selepas 1 Januari 2008 semasa pelaksanaan moratorium Jabatan Perikanan) dan nelayan kecil-kecilan bersyarikat hanya dibenarkan beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Zon 2 iaitu jaraknya dari pantai adalah 3.1 hingga 20 batu nautika dan keatas.

Ringkasan perbezaannya adalah kesemua nelayan kecil-kecilan persendirian berstatus penuh masa dan sambilan (yang memiliki alat menangkap ikan) akan dibenarkan beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Zon 1A keatas kecuali alat bubu dan alat rawai hanya dibenarkan untuk beroperasi

di kawasan perairan Zon 1B keatas dan nelayan kecil-kecilan persendirian bersyarikat akan dibenarkan beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Zon 1B keatas. Sementara kawasan perairan Zon 2 iaitu jaraknya dari pantai adalah 7.1 batu nautika hingga 20 batu nautika keatas akan dijadikan kawasan beroperasi menangkap ikan bagi kapal-kapal penangkapan ikan komersil sehingga kepada Zon 3, Zon 4A, Zon 4B dan Zon 4C kawasan perairan Zon Ekonomi Eksklusif Negara Brunei Darussalam.

4) Bagi nelayan-nelayan kecil-kecilan persendirian atau nelayan kecil-kecilan bersyarikat yang telah membaharui lesen alat menangkap ikan bagi Tahun 2024 dan telah dikeluarkan kad lesen nelayan masing-masing, adakah diperlukan untuk mendapatkan kad lesen nelayan yang baru?

(Dimana kad lesen nelayan yang sedia ada telah dicetak dan memaparkan Zon 1 bagi nelayan kecil-kecil persendirian berstatus penuh masa atau berstatus sambilan (yang telah memiliki lesen alat menangkap ikan sebelum 1 Januari 2008 semasa pelaksanaan moratorium) dan Zon 2 bagi nelayan kecil-kecilan persendirian berstatus sambilan (yang hanya mula memiliki lesen alat menangkap ikan selepas 1 Januari 2008 semasa pelaksanaan moratorium Jabatan Perikanan) atau nelayan kecil-kecilan bersyarikat mengikut Sistem Zon Penangkapan Ikan baharu tersebut.)

Nelayan kecil-kecilan persendirian dan nelayan kecil-kecilan bersyarikat adalah tidak dikehendaki untuk mendapatkan cetakan kad lesen nelayan baru bagi menggantikan kad lesen nelayan masing-masing yang sedia ada tersebut bagi yang telah membaharui lesen alat menangkap ikan Tahun 2024 dan kad lesen nelayan yang sedia ada tersebut akan masih boleh digunakan.

Walaupun, jika ada mana-mana nelayan yang masih berhasrat untuk mendapatkan cetakan baru kad lesen nelayan mengikut Sistem Zon Penangkapan Ikan baharu tersebut, Jabatan Perikanan bersedia untuk menerima permohonan tersebut dengan mengenakan kadar perkhidmatan sejumlah \$2.00 bagi setiap kad lesen nelayan. Nelayan-nelayan tersebut boleh datang ke kaunter pelesenan yang berdekatan di keempat daerah di Negara ini semasa waktu kaunter pelesenan dibuka sahaja.

5) Memandangkan ada perubahan pada zon penangkapan ikan di perairan NBD, adakah syarat lesen berubah juga?

Bermula pada 1 Januari 2024, syarat lesen alat menangkap ikan khusus bagi Nelayan Kecil-kecilan Persendirian (Penuh Masa dan Sambilan) serta nelayan kecil-kecilan bersyarikat akan dikemaskini mengikut perubahan pada zon menangkap ikan seperti berikut:-

- a. Kesemua nelayan kecil-kecilan persendirian yang memiliki lesen alat menangkap ikan daripada Jabatan Perikanan samada yang berstatus Penuh Masa atau Sambilan akan dibenarkan beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Zon 1A iaitu jaraknya dari pantai adalah 0 hingga 3 batu nautika dan keatas termasuk teluk dan sungai kecuali alat bubu dan alat rawai hanya dibenarkan untuk beroperasi di kawasan perairan Zon 1B iaitu jaraknya dari pantai adalah 3.1 hingga 7 batu nautika dan keatas sahaja.
- b. Bagi nelayan kecil-kecilan bersyarikat pula akan dibenarkan beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Zon 1B iaitu jaraknya dari pantai adalah 3.1 hingga 7 batu nautika dan keatas.

6) Apakah yang dimaksudkan dengan Pembantu Nelayan dan siapakah yang dibenarkan untuk mempunyai Pembantu Nelayan?

Pembantu Nelayan ialah nelayan yang terdiri daripada ahli keluarga yang berumur 18 tahun keatas dan pemilik kad nelayan meletakkan nama ahli keluarganya ke dalam senarai lesen alat menangkap ikan sebagai Pembantu Nelayan. Semasa beroperasi, Pembantu Nelayan perlu hadir bersama pemilik asal lesen alat menangkap ikan tersebut. Manakala, Pembantu Nelayan hanya dibenarkan kepada Nelayan Persendirian Penuh Masa dan Nelayan Persendirian Sambilan tidak dibenarkan untuk mempunyai pembantu nelayan.

Jawatan pembantu boleh menimbulkan isu mengenai pekerja di bawah umur 18 tahun mengikut *Employment Order*.

2.3 SEKSYEN PENGUATKUASAAN

2.3.1 ZON KESELAMATAN

1) Apakah langkah yang diambil oleh Jabatan Perikanan setelah Zon-Zon Keselamatan di isytiharkan?

Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengemaskini syarat-syarat lesen alat menangkap ikan bagi nelayan kecil-kecilan selaras dengan Perintah Perkapalan Pedagang (Zon-Zon Keselamatan), 1988 iaitu nelayan dan perahu/ kapal adalah ditegah memasuki atau berlabuh di zon-zon keselamatan pelantar minyak dalam lingkungan 500 meter dari binaan-binaan dan pemasangan di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam dan kawasan zon-zon keselamatan yang telah diisytiharkan.

Kemasukan tanpa kebenaran oleh sebarang orang atau kapal kedalam zon-zon keselamatan yang ditentukan adalah dilarang / ditegah kecuali dalam keadaan yang berikut:

- Untuk menyelamatkan nyawa atau harta benda;
- Disebabkan oleh cuaca buruk; atau
- Semasa dalam kecemasan

2) Dimanakah lokasi-lokasi Zon Keselamatan?

- Padang Minyak Champion Shoal
- Padang Minyak Magpie
- Padang Minyak Failey
- Padang Minyak Barat Daya Ampa
- Padang Minyak Failey- Baram
- Padang Minyak Gannet-Pandan

3) Apakah tindakan Jabatan untuk meningkatkan hasil dari nelayan kecil-kecilan memandangkan kurangnya keluasan menangkap ikan disebabkan oleh pengisytiharan zon-zon keselamatan dan adanya pembangunan di kawasan teluk Brunei?

Sebagai usaha Jabatan ini untuk memperkayakan sumber perikanan, Jabatan ini melaksanakan projek pembinaan dan melabuh takat tiruan (Artificial Reefs) dan lawa-lawa (Fish Aggregating Devices) di perairan Negara Brunei Darussalam yang berfungsi sebagai kawasan-kawasan perlindungan dan pembiakan ikan dan bagi meningkatkan jumlah dan jenis perikanan di zon-zon perairan berkenaan.

2.3.2 ISU PENCEROBOHAN

4) **Apakah langkah yang diambil oleh Jabatan Perikanan untuk menangani isu Pencerobahan Nelayan-Nelayan Di Kawasan Aset Aset Negara dan Kesan kepada Aktiviti Perekonomian Lain?**

Bagi menangani pencerobahan nelayan-nelayan di kawasan aset-aset Negara ini dan memastikan aktiviti navigasi perkapalan minyak dan gas di Zon 1A dan Zon 1B, Jabatan Perikanan melaksanakan aktiviti operasi rondaan penguatkuasaan laut di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam samada yang berjadual ataupun yang tidak berjadual termasuk operasi rondaan penguatkuasaan bersepadu seperti Operasi Kembura, Operasi Menangin, Operasi Teluk/Seludup, Operasi Lukan/Tuba dan sebagainya bersama dengan agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan seperti Cawangan Polis Marin Pasukan Polis Diraja Brunei, Skuadron Tempur Tentera Darat Diraja Brunei, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan sebagainya. Aktiviti pemantauan seumpama ini seperti lazimnya dijalankan secara berterusan berjumlah sekurang-kurangnya dua belas (12) kali operasi sepadu sebulan tertakluk kepada jenis operasi yang dijalankan, dan tidak termasuk pemantauan secara ad-hoc.

5) **Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh nelayan yang mendapati sebarang pencerobahan aktiviti menangkap ikan di kawasan perairan Zon 1A atau kapal penangkapan ikan komersil beroperasi menangkap ikan di kawasan perairan Zon 1A atau Zon 1B ?**

Jika nelayan tersebut berhasrat untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa termasuk Jabatan Perikanan mengenai perahu nelayan kecil-kecilan bersyarikat atau kapal penangkapan ikan komersil yang telah dilihat atau didapati melakukan kesalahan pencerobahan operasi zon penangkapan ikan tersebut yang merupakan telah melanggar salah satu syarat lesen alat menangkap ikan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perikanan, nelayan tersebut hendaklah melaksanakan langkah-langkah berikut :-

- Mencatat keterangan seperti tarikh, jam, tempat, bilangan pendaftaran perahu atau kapal penangkapan ikan, koordinat lokasi tempat kejadian, jenis kesalahan yang didapati dan sebagainya;
- Mengambil gambar dan video perahu atau kapal penangkapan ikan dengan menunjukkan atau memaparkan dengan jelas bilangan pendaftaran perahu atau kapal tersebut yang berlatarbelakangkan daratan jika ada;
- Mengambil gambar atau tangkap layar koordinat lokasi tempat kejadian;
- Hendaklah bersedia untuk hadir ke pejabat pihak berkuasa berkenaan seperti Jabatan Perikanan untuk membuat aduan dan memberikan kerjasama mengenai perahu nelayan kecil-kecilan bersyarikat atau kapal penangkapan ikan komersil yang telah dilihat atau didapati melakukan

kesalahan pencerobohan operasi zon penangkapan ikan tersebut dengan menyediakan catitan keterangan, gambar-gambar, video dan maklumat lain yang berkaitan untuk dimaklumkan kepada pegawai yang bertugas pihak berkuasa berkenaan.

- Jika maklumat yang diberikan mencukupi, Jabatan Perikanan akan melaksanakan siasatan lanjut termasuk akan memanggil pemilik perahu atau juragan kapal penangkapan ikan yang berkenaan untuk hadir ke Jabatan Perikanan bagi diambil keterangan dan siasatan mengenainya.
- Jika sabit kesalahan iaitu telah melanggar salah satu syarat lesen alat menangkap ikan yang dikuatkuasakan oleh Jabatan Perikanan dengan bukti-bukti yang mencukupi, pemilik perahu atau juragan kapal penangkapan ikan berkenaan boleh diambil tindakan undang-undang mengikut garispandu tindakan kes kesalahan perikanan yang sedia ada.

6) Bagaimana pihak Jabatan Perikanan akan melaksanakan pemantauan industri tangkapan di zon-zon yang berkaitan dengan perubahan ini?

Jabatan Perikanan mewajibkan penggunaan "Automatic Identification System (AIS)" pada tahun 2025 keatas kapal-kapal tangkapan ikan komersil yang beroperasi di kawasan perairan laut dalam bagi memantau kedudukan kapal secara real-time sebagaimana yang dimandatkan oleh badan-badan antarabangsa seperti International Maritime Organization bagi mempertingkatkan lagi usaha-usaha menangani IUU Fishing bagi menjaga keselamatan di kawasan maritim Negara ini, terutama sekali di kawasan pelantar-pelantar dan aset-aset minyak dan gas, serta laluan-laluan perkapalan, dan seterusnya memastikan keselamatan di perairan Negara ini akan sentiasa terjaga.

Jabatan akan bekerjasama dengan Agensi-Agensi Penguatkuasaan melalui operasi bersepadu, melaksanakan penggunaan sistem Automatic Identification System (AIS) ke atas semua kapal tangkapan perikanan mulai dengan kapal tunda untuk fasa 1.

2.4 EKOSISTEM MARIN

2.4.1 TAKAT TIRUAN DAN LAWA LAWA

1) Apakah usaha Jabatan Perikanan untuk mempertingkatkan lagi sumber perikanan di perairan Negara Brunei Darussalam?

Sebagai usaha Jabatan ini untuk memperkayakan sumber perikanan, Jabatan Perikanan telah melaksanakan projek pembinaan dan melabuh takat tiruan (Artificial Reefs) dan lawa-lawa (Fish Aggregating Devices) di perairan Negara Brunei Darussalam yang berfungsi sebagai kawasan-kawasan perlindungan dan pembiakan ikan dan bagi meningkatkan jumlah dan jenis perikanan di zon-zon perairan berkenaan.

2) Berapakah Jumlah takat tiruan (Artificial Reefs) dan lawa-lawa (Fish Aggregating Devices) yang telah dilabuhkan di perairan Negara Brunei Darussalam?

Sejak tahun 2019, Jabatan Perikanan telah melabuh sejumlah 306 lawa-lawa (Fish Aggregating Devices, FADs) bagi meningkatkan ikan paras laut (ikan pelagik) di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam dan pembinaan sejumlah 1408 takat-takat tiruan (Artificial Reefs) yang berfungsi sebagai kawasan-kawasan perlindungan, pembiakan dan nurseri anak-anak ikan untuk meningkatkan sumber perikanan laut serta bertujuan sebagai penguatkuasaan secara tidak langsung (silent enforcement) terhadap penggunaan alat pukat tunda yang mana adalah merupakan alat yang boleh memusnahkan dasar lautan.

→ Takat tiruan (ARs) yang telah dilabuhkan

Tahun	Jumlah (Unit)	Kawasan
2020	248	Zon 2
2022	1160	Zon 2
Jumlah Keseluruhan	1408	-

→ Lawa-Lawa (FADs) yang telah dilabuhkan

Tahun	Jumlah (Unit)	Kawasan
2019	156	Zon 4

2020	60	Zon 2 & Zon 3
2022	90	Zon 3 & Zon 4
Jumlah Keseluruhan	306	-

3) Berapakah jumlah takat tiruan (Artificial Reefs) dan lawa-lawa (Fish Aggregating Devices) yang dirancang untuk dilabuhkan di perairan Negara Brunei Darussalam?

Jabatan Perikanan merancang untuk melabuhkan 850 unit takat tiruan (ARs) dan 40 unit lawa-lawa (FADs) pada tahun 2025 (tertakluk kepada sebarang perubahan).

4) Adakah Jabatan Perikanan akan mengongsikan senarai lokasi koordinat takat-takat tiruan yang telah dilabuhkan tersebut kepada nelayan-nelayan tempatan dan jika boleh dikongsikan, dimanakah nelayan-nelayan dapat memperoleh senarai lokasi koordinat tersebut?

Senarai koordinat takat-takat tiruan akan dikongsikan kepada nelayan-nelayan setelah tempoh pemantauan selepas melabuhkan takat-takat tiruan selesai dilaksanakan, bagi memberikan masa takat-takat tiruan yang telah dilabuhkan untuk menubuhkan ekosistem yang stabil. Senarai koordinat akan dikongsikan melalui permohonan kepada Seksyen Perlesenan, Jabatan Perikanan, khusus bagi nelayan kecil-kecilan yang belesen dan beroperasi di Zon 1A dan Zon 1B sahaja.

5) Berapakah kenaikan pada stok ikan yang akan dijangkakan setelah pelaksanaan Sistem Zon Penangkapan Ikan Baharu ('Re-Delineation Of Fishing Zones') Di Perairan Negara Brunei Darussalam?

Selepas pelaksanaan sistem baharu ini, Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan menjangkakan *potential yield* akan meningkat sebanyak 20% dalam tempoh 3 ke 5 tahun dari kawasan Zon 1, Zon 2 dan Zon 3 bagi penghasilan tangkapan spesies ikan bernilai tinggi seperti ikan merah dan kerapu, yang sekali gus akan memberikan impak positif kepada pasaran eksport industri perikanan.

2.4.2 KAJIAN SUMBER PERIKANAN

6) Apakah langkah yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan untuk mengkaji sumber di perairan Negara Brunei Darussalam?

Jabatan Perikanan telah menjalankan penyelidikan terhadap sumber marin di perairan Negara Brunei Darussalam sejak tahun 1949 hingga kini. Bermula pada tahun 2005, Jabatan Perikanan dengan kerjasama Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC), Thailand telah melaksanakan beberapa kajian khusus mengenai penilaian stok ikan di perairan negara. Kajian ini bertujuan untuk mengesahkan anggaran stok ikan laut di negara ini. Selain itu, kajian tersebut juga telah membuat penemuan spesis-spesis baharu yang mempunyai nilai komersil seperti udang dan sotong laut dalam selain daripada ikan tuna dan ikan-ikan pelagik besar.

Jabatan merancang untuk melaksanakan kajian lanjut dengan Southeast Asian Fisheries Development Centre (SEAFDEC) bagi mengambil langkah-langkah yang berkesan dalam pengurusan sumber perikanan yang teratur dan mampan termasuk pengurusan risiko-risiko yang berkaitan dalam merealisasikan inisiatif Blue Economy Negara.

7) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memperketatkan lagi pemantauan sumber perikanan setelah pelaksanaan Sistem Zon Penangkapan Ikan Baharu?

→ Pihak Jabatan Perikanan dengan kerjasama SEAFDEC telah memperkenalkan satu pilot project iaitu sistem electronic ASEAN Catch Documentation Scheme (e-ACDS) sejak tahun 2017 yang berfungsi sebagai salah satu alat pengurusan perikanan bagi pemantaun operasi kapal-kapal penangkapan ikan komersil termasuk mencegah kemasukan ikan dan produk-produk ikan yang bersumber daripada aktiviti Illegal, Unreported and Unregulated (IUU) fishing. Sistem tersebut akan mula dilaksanakan secara sepenuhnya pada tahun 2025 setelah proses pemindahan server dari negara Thailand ke Negara Brunei Darussalam selesai;

→ Mewajibkan penggunaan "Automatic Identification System (AIS)" pada tahun 2025 keatas kapal-kapal tangkapan ikan komersil yang beroperasi di kawasan perairan laut dalam bagi memantau kedudukan kapal secara real-time sebagaimana yang dimandatkan oleh badan-badan antarabangsa seperti International Maritime Organization bagi mempertingkatkan lagi usaha-usaha menangani IUU Fishing bagi menjaga keselamatan di kawasan maritim Negara ini, terutama sekali di kawasan pelantar-pelantar dan aset-aset minyak dan gas, serta laluan-laluan perkapalan, dan seterusnya memastikan keselamatan di perairan Negara ini akan sentiasa terjaga.

→ Sejak tahun 2019, Jabatan Perikanan telah melabuh sejumlah 306 lawa-lawa (Fish Aggregating Devices, FADs) bagi meningkatkan ikan paras laut (ikan pelagik) di kawasan perairan Negara Brunei Darussalam dan pembinaan sejumlah 1408 takat-takat tiruan (Artificial Reefs) yang berfungsi sebagai kawasan-kawasan perlindungan, pembiakan dan nurseri anak-anak ikan untuk meningkatkan sumber perikanan laut serta bertujuan sebagai penguatkuasaan secara tidak langsung (silent enforcement) terhadap penggunaan alat pukat tunda yang mana adalah merupakan alat yang boleh memusnahkan dasar lautan.

→ Bagi menambah sumber-sumber perikanan, pihak Jabatan Perikanan sedang melaksanakan "Program Pelepasan Anak-Anak Udang Galah" di sungai-sungai untuk memulihara dan meningkatkan stok populasi udang galah bagi memastikan sumber udang galah tidak pupus di perairan Negara.

2.5 INDUSTRI TANGKAPAN PERIKANAN KECIL-KECILAN

1) Apakah usaha Jabatan Perikanan bagi menjaga kesejahteraan Nelayan Kecil-Kecilan di Negara ini?

Jabatan ini giat melaksanakan beberapa aktiviti sebagai program untuk menjaga kesejahteraan nelayan kecil-kecilan di Negara ini seperti kajian Sosioekonomi, per muzakarah serta kursus meningkatkan kemahiran nelayan kecil-kecilan.

→ Muzakarah

Muzakarah telah dilaksanakan adalah sebagai salah satu platform bagi nelayan untuk menyuarakan masalah dan cadangan, meningkatkan lagi kerjasama dan sokongan padu daripada nelayan kecil-kecilan serta orang-orang kampung yang ingin berkecimpung dalam bidang tangkapan perikanan dan sebagai pemudahcara bagi pengendalian sebarang aktiviti / kursus / projek pada masa akan datang. Muzakarah bersama nelayan kecil-kecilan diadakan secara berfasa mengikut Mukim yang mana Mukim Serasa telah diadakan pada 1 Mac 2023 yang lalu.

→ Jerayawara bagi Meningkatkan Kesedaran Nelayan Kecil-Kecilan

Pelaksanaan program kesedaran bagi nelayan kecil-kecilan yang bertujuan untuk mendidik dan menyebarkan maklumat kepada nelayan kecil-kecilan mengenai pemberigaan dasar baharu Jabatan Perikanan, undang-undang dan peraturan yang perlu dipatuhi seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan, amalan tangkapan ikan yang mampan dan baik dari segi keselamatan, pengurusan sumber perikanan yang dilaksanakan oleh Pihak Jabatan dan peranan nelayan kecil-kecilan dalam sama-sama membantu menjaga ekosistem marin di Negara ini. Sesi jerayawara telah dilaksanakan pada bulan Disember 2023 yang lalu di keempat-empat daerah, dan sesi jerayawara seterusnya akan dilaksanakan pada bulan Disember 2024 hingga Januari 2025.

→ Kajian Sosioekonomi

Kajian sosioekonomi telah dilaksanakan pada tahun 2020 dan sedang dilaksanakan pada tahun ini sebagai usaha Jabatan ini untuk mengenalpasti keperluan bagi membangunkan kapasiti sektor Nelayan Kecil-kecilan. Objektif bagi kajian sosioekonomi ini antara lainnya adalah untuk mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan kecil-kecilan, mengetahui lokasi penangkapan ikan di kawasan aktif yang dijalankan oleh nelayan kecil-kecilan bagi projek melabuh takat tiruan bagi meningkatkan lagi sumber perikanan di kawasan-kawasan tersebut serta meningkatkan perkongsian data hasil tangkapan diantara nelayan kecil-kecilan dengan Jabatan Perikanan. Jabatan Perikanan juga turut memberikan peralatan asas yang bertujuan untuk memudahkan lagi operasi serta meningkatkan keselamatan nelayan sewaktu berada di laut.

→ Kursus meningkatkan kemahiran nelayan kecil-kecilan

Pengendalian kursus bagi meningkatkan kemahiran nelayan kecil-kecilan adalah sebagai pemudah cara operasi perusahaan para nelayan supaya berjalan dengan lancar disamping meningkatkan produktiviti penghasilan mereka.

2) Adakah Jabatan Perikanan akan mengenakan subsidi bagi alat-alat menangkap ikan?

Harga bagi alat-alat menangkap ikan adalah di luar kawalan Jabatan Perikanan. Walau bagaimanapun Jabatan ini akan melaksanakan pemantauan dan mengkaji mengenai kenaikan harga pada alat-alat menangkap ikan.

Subsidi bagi alat-alat menangkap ikan adalah tidak digalakkan secara global. Subsidi bagi alat-alat menangkap ikan telah diimplementasikan di beberapa negara sejak dulu lagi, akan tetapi, hasil daripada kajian terhadap negeri-negeri yang telah mengenakan subsidi tersebut mendapati impak dari subsidi tersebut telah mengakibatkan penangkapan ikan yang berlebihan dan menyebabkan turunnya sumber perikanan di negeri tersebut.

Oleh yang demikian, subsidi bagi alat-alat menangkap ikan adalah tidak digalakkan walaupun bagaimanapun, Jabatan ini akan sentiasa memastikan kelestarian sumber perikanan sentiasa terjaga untuk kesejahteraan di nelayan-nelayan di negara ini.

3) Apakah usaha Jabatan Perikanan dalam menolong untuk meningkatkan pemasaran ikan-ikan yang di tangkap terutamanya oleh nelayan kecil-kecilan.

Jabatan Perikanan telah melaksanakan program latihan bagi cara-cara pemasaran dengan kerjasama DARE. Jabatan akan mengadakan latihan yang sama jika diperlukan oleh nelayan kecil-kecilan di negara ini.

4) Apakah alat - alat bantu navigasi yang telah berikan kepada nelayan kecil - kecilan?

Beberapa alat bantu navigasi telah di agihkan kepada nelayan kecil-kecilan semasa pelaksanaan kajian sosio ekonomi tahun 2020 dan 2023 seperti *Head Lamp* dan Lampu navigasi.

2.6 INDUSTRI PEMROSESAN MAKANAN LAUT

1) Bagaimanakah Jabatan Perikanan dapat membantu bakal pengusaha atau pengusaha yang sedia ada? / Apakah peranan Divisyen Industri Pemprosesan ?

Divisyen ini boleh membantu bakal pengusaha dan pengusaha yang sedia ada menerusi program dan inisiatif di bawah kendalian Divisyen ini dengan bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkepentingan dalam memberikan khidmat nasihat teknikal dan memfasilitasi pengusaha dari segi pembangunan produk, bahan mentah, kapasiti dan akses kewangan, pensijilan dan pemasaran.

1. mengadakan projek kolaborasi dengan institusi pengajian tinggi bagi menambahbaik kualiti produk dan melaksanakan penganalisan untuk menetapkan jangka hayat produk.
2. mengadakan *business matching* di antara:
 - o pembekal bahan mentah dari hasil ternakan dan tangkapan ikan/udang bersama syarikat pemprosesan.
 - o syarikat pemprosesan bersama pengedar ataupun pasar raya, restoran, hotel tempatan dan luar negara.
3. mengadakan kursus-kursus latihan yang berkenaan (rujuk soalan nombor 2).
4. memfasilitasi untuk mendapatkan akses perkhidmatan kewangan daripada agensi-agensi yang berkenaan:
5. Khidmat nasihat bagi pelan susun atur fasiliti / kilang pemprosesan mengikut Piawaian pengurusan keselamatan makanan seperti GMP dan HACCP berpandukan Manual of Brunei Darussalam on Hygiene Requirement for Processing Establishments.

2) Jenis-jenis kursus yang ditawarkan oleh Jabatan Perikanan? / Apakah program/kursus/latihan yang dikendalikan di bawah Divisyen Industri Pemprosesan?

Jabatan Perikanan, melalui Divisyen Industri Pemprosesan ada menawarkan kursus-kursus yang berkaitan industri pemprosesan seperti berikut:

- Piawaian pengurusan keselamatan makanan seperti Amalan Kebersihan yang Baik (GHP), Amalan Pengilangan yang Baik (GMP) dan *Hazard Analysis Critical Control Points* (HACCP),
- Pemprosesan produk-produk makanan laut seperti pemprosesan keropok udang dan ikan, keropok lekor, nugget ikan,
- Pelabelan dan pembungkusan produk pemprosesan yang sesuai.

3) Siapakah yang layak untuk menyertai kursus tersebut, dan bagaimanakah caranya?

Lazimnya kursus-kursus ini ditawarkan terlebih dahulu kepada pengusaha-pengusaha yang di bawah pemantauan Jabatan Perikanan, dan selebihnya dibukakan kepada orang awam terutama sekali ibu-ibu tunggal, surirumah dan belia yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan pemprosesan makanan laut.

4) Tawaran bantuan kewangan oleh Jabatan Perikanan untuk memulakan projek perikanan selepas menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Perikanan?

Tiada bantuan kewangan disediakan oleh Jabatan Perikanan. Walau bagaimanapun, Jabatan ada menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada pengusaha pemprosesan dari segi mendapatkan akses perkhidmatan kewangan daripada agensi-agensi yang berkenaan, seperti Co-Matching Scheme, BEBD dan Bank Usahawan.

5) Bagaimana caranya untuk memohon tapak dan bangunan fasiliti pemprosesan?

Pengusaha yang berminat untuk memohon tapak bolehlah menghadapkan kertas cadangan perniagaan kepada Jabatan Perikanan, yang mana permohonan ini seterusnya akan dinilai dari segi kebolehlaksanaan projek mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Perikanan.

Walaupun selain dari tapak Perikanan, pengusaha juga boleh memohon tapak atau *ready-built factory* di bawah pengendalian pihak BEDB.

Disamping itu, pihak Jabatan juga boleh memfasilitasi pengusaha dalam memohon tapak atau bangunan di bawah pengendalian pihak Badan Tanmiah.

6) Bagaimanakah cara untuk mendapatkan khidmat nasihat bagi industri pemprosesan / Siapakah yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan industri pemprosesan?

Orang ramai boleh mendapatkan khidmat nasihat dengan menghubungi Divisyen Industri Pemprosesan di talian +673 2771452 untuk sebarang pertanyaan atau membuat temu janji dengan pegawai dan kakitangan Divisyen Industri Pemprosesan

